

# KONSEP TINGGAL SEBUMBUNG DALAM TEMPOH IDDAAH SELEPAS LAFAZ CERAI MENURUT PERSPEKTIF FUQAHĀ'

**THE CONCEPT OF LIVING UNDER ONE ROOF DURING WAITING PERIOD (IDDAH) AFTER DIVORCE ACCORDING TO MUSLIM JURISTS**

Atiratun Nabilah Jamil<sup>1\*</sup>

Khafizatunnisa' Jaapar<sup>2</sup>

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: atiratun1774@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: khafiz920@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author

## Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

## To cite this document:


Jamil, A. N., Jaapar, K. & Muhamad Sharifuddin, N. (2024) Konsep tinggal sebumbung dalam tempoh iddah selepas lafaz cerai menurut perspektif fuqaha'. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 284 -289.

**Abstrak:** Isu tinggal sembumbung selepas lafaz cerai sering kali menjadi pertanyaan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisa pandangan fuqaha mazhab mengenai konsep tinggal sebumbung selepas lafaz talak dalam tempoh iddah. Terdapat perbezaan pandangan di kalangan fuqaha' tentang hukum tinggal sebumbung antara bekas suami dan isteri dalam tempoh ini. Kajian ini mendapati pandangan-pandangan yang berbeza dari mazhab-mazhab utama, termasuk pandangan mazhab Syafie yang umumnya melarang bekas suami tinggal bersama bekas isteri dalam tempoh iddah untuk mengelakkan fitnah dan menjaga kehormatan. Sebaliknya, mazhab Hanafi membenarkan tinggal bersama dengan syarat-syarat tertentu seperti keadilan dan adanya penghalang untuk mengelakkan perbuatan tidak bermoral. Metodologi kajian ini melibatkan analisis kualitatif terhadap sumber-sumber primer dan sekunder termasuk artikel jurnal, buku, dan dokumen perundangan. Kajian ini juga membincangkan implikasi undang-undang syariah dan bagaimana pandangan fuqaha' dapat memberikan panduan dalam konteks masyarakat Islam kontemporari. Hasil kajian menunjukkan bahawa meskipun terdapat perbezaan pandangan, prinsip asas hukum Islam menekankan pentingnya menjaga kehormatan dan mencegah fitnah. Oleh itu, panduan yang lebih jelas diperlukan untuk memastikan keadilan dan kesejahteraan pasangan yang bercerai dalam tempoh iddah.

**Kata Kunci:** Iddah, Perceraian, Tinggal sebumbung, Undang-undang Keluarga Islam

## Pengenalan

Sudah menjadi lumrah setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga ingin memastikan perkahwinan yang dibina kekal sehingga akhir hayat lebih-lebih lagi jika perkahwinan itu dibina atas dasar suka sama suka. Namun, dewasa kini semakin banyak kes-kes perceraian yang dilaporkan dengan pelbagai sebab dan punca. Penceraihan dalam bahasa Arab disebut sebagai talak. Talak menurut bahasa ertinya melepaskan atau meleraikan ikatan manakala menurut syarak pula bererti meleraikan hubungan pernikahan dengan lafaz talak dan seumpamanya. (al-Syirbini 1997, Wahbah al-Zuhaili 1985) dan kesan daripada perceraian ialah para wanita yang diceraikan perlu menjalani tempoh iddah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Islam. Penentuan iddah ini sangat penting dan perlu diteliti bagi menjaga kemaslahatan isteri yang diceraikan semasa dalam tempoh iddah terutamanya apabila melibatkan nafkah kepada isteri selama tempoh iddah berlangsung dan antara nafkah tersebut adalah nafkah tempat tinggal.



Rajah 1 : Statistik perkahwinan dan perceraian pasangan Muslim di Malaysia 2022

Sumber : Jabatan Perangkaian Malaysia

## Permasalahan Kajian

Nafkah wajib diberikan oleh suami kepada bekas isteri dalam tempoh iddah kecuali dalam beberapa kes yang dinyatakan tiada keperluan untuk berbuat demikian oleh pihak mahkamah misalnya seperti isteri telah nusyuz kepada suami. Ini dapat dilihat dalam kes Rahimah bte Rahim lawan Mohd. Dahlan bin Abd. Karim yang mana Hakim mahkamah memutuskan bahawa tuntutan nafkah iddah oleh plantif adalah ditolak (Jurnal Syariah 5, Bil 1). Termasuk dalam kategori nafkah juga adalah tempat tinggal isteri dalam tempoh iddah tersebut. Firman Allah SWT dalam surah al-Talaq ayat 1 yang bermaksud :

*Wahai Nabi! Apabila kamu menceraikan isteri-isterimu maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu mereka dapat (menghadapi) iddahnya (yang wajar), dan hitunglah waktu iddah itu, serta bertakwalah kepada Allah Tuhanmu. Janganlah kamu keluarkan mereka dari rumahnya dan janganlah (diizinkan) keluar kecuali jika mereka mengerjakan perbuatan keji yang jelas. Itulah hukum-hukum Allah, dan barangsiapa melanggar hukum-hukum Allah, maka*

*sungguh, dia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. Kamu tidak mengetahui barangkali setelah itu Allah mengadakan suatu ketentuan yang baru*

Dalil ini jelas menunjukkan bahawa isteri yang diceraikan hendaklah mereka kekal berada di rumah selama mana tempoh iddah berlangsung selagi mana isteri tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan syarak. Perkara ini dinyatakan lagi dengan dalil daripada ayat 6 dalam surah yang sama yang bermaksud :

*Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu*

(al-Talaq : 6)

Hal ini juga dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 72 (1) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 yang mana seorang perempuan yang diceraikan adalah berhak untuk tinggal di rumah yang biasa dia tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya. Oleh yang demikian, persoalan yang timbul ialah sekiranya bekas isteri perlu kekal atau tinggal dalam rumah yang disediakan oleh bekas suami, adakah bekas suami dibenarkan tinggal serumah dengan bekas isteri selama tempoh iddah atau bekas suami perlu keluar daripada rumah yang didiami oleh bekas isteri tersebut serta apakah kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya pihak-pihak yang bercerai ini tinggal di bawah satu bumbung. Perkara ini menimbulkan persoalan-persoalan penting tentang hak dan tanggungjawab pasangan yang telah bercerai, serta kesannya terhadap masyarakat dan institusi keluarga secara keseluruhan. Konsep tinggal sebumbung selepas lafadz cerai juga adalah isu yang menarik perhatian para fuqaha' untuk memberikan pandangan yang selaras dengan prinsip-prinsip agama dan keadilan. Dalam konteks ini, fuqaha' mempertimbangkan pelbagai faktor seperti keperluan individu, kestabilan keluarga, dan prinsip-prinsip moral Islam.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisa pandangan fuqaha' tentang isu ini, yang mencerminkan pemahaman mendalam mereka terhadap prinsip-prinsip hukum Islam. Dengan memahami pandangan fuqaha' tentang konsep ini, kita dapat mengeksplorasi aspek-aspek hukum dan etika yang terlibat dalam isu tinggal sebumbung selepas lafadz cerai. Dalam konteks perubahan sosial dan keperluan masa kini, pemahaman terhadap pandangan fuqaha' ini memberikan panduan yang penting untuk menjaga keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat Muslim.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan dengan menganalisis sumber primer dan sekunder seperti artikel-artikel jurnal, buku-buku samada daripada penulisan ulama'-ulama' klasik dan kontemporari. Tambahan pula, kajian ini juga menggunakan pendekatan konten analisis terhadap dokumen perundangan seperti kandungan kes-kes, pamphlet-pamphlet dari Jabatan kehakiman Syariah Malaysia, serta Enakmen-enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia yang terdiri daripada 13 negeri dan 1 persekutuan

### **Analisa Dan Perbincangan**

Mengikut hukum, bekas suami wajib memberikan tempat tinggal kepada bekas isteri semasa tempoh iddah, sama ada bekas isteri itu ditalak secara sah atau tidak, dan sama ada dia sedang mengandung atau tidak (Al-Qur'an, 2:228). Al-Tabari menyatakan: "Bekas suami hendaklah

memberikan tempat tinggal kepada bekas isteri dari tempat di mana bekas suami tinggal dan menyesuaikannya dengan kemampuan bekas suami. Ini adalah perintah untuk memberikan tempat tinggal yang bekas suami sediakan berdasarkan kemampuannya sehingga tempoh iddah bekas isteri berakhir."

Menurut pandangan majoriti dalam mazhab Syafie, bekas suami tidak dibenarkan tinggal bersama bekas isteri yang sedang beriddah di dalam rumah tersebut, sama ada talak tersebut bersifat raj`ie atau ba'in. Ini kerana masuk ke dalam rumah iddah boleh membawa kepada khalwat dan mengganggu pihak yang beriddah. Sekiranya terdapat mahram, sama ada kepada bekas suami atau bekas isteri, lelaki atau perempuan, atau wanita yang tidak bersaudara, maka bekas suami boleh tinggal bersama dan masuk ke dalam rumah iddah. Walau bagaimanapun, tindakan ini menjadi makruh kerana terdapat kemungkinan untuk melihat bekas isteri yang sudah diharamkan kerana talak. Hal yang sama berlaku jika kediaman tersebut mempunyai bilik-bilik atau tingkat-tingkat di mana setiap individu tinggal di dalamnya.

Ulama Syafie sangat menentang pandangan sebaliknya seperti yang disebutkan oleh Imam Taqiuddin Abu Bakr al-Hisni: "Ramai yang tidak menganggap perkara ini sebagai haram sehingga berkata: 'Mengapa salah, sedangkan dia adalah wanita yang saya sendiri ceraikan?' Jika seseorang itu memandang halal setelah mengetahui pengharamannya, maka dia telah murtad. Jika dia bertaubat, tidak ada hukuman, tetapi jika tidak bertaubat, maka hukumannya adalah dipukul di lehernya."

Ulamak dalam mazhab Maliki dan Syafie berpendapat bahawa bekas suami tidak sepatutnya tinggal bersama bekas isteri yang sedang beriddah, tidak kira talak tersebut bersifat raj`ie atau ba'in, kecuali jika terdapat mahram yang tinggal bersama mereka. Ulama Syafie juga mensyaratkan bahawa mahram tersebut harus dewasa dan bijaksana, sama ada lelaki atau perempuan. Selain itu, tidak sah jika mahram tersebut adalah mahram lelaki kepada bekas suami.

Sebahagian ulama Maliki berpendapat bahawa lelaki tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah bekas isteri yang sedang beriddah walaupun ada orang yang menjaganya, dan juga tidak dibenarkan berkedudukan dengannya dalam rumah yang besar yang memuatkan bekas isterinya dan ramai orang kerana boleh terjadi perbuatan khalwat yang dilarang. Ini disebabkan talak adalah lawan kata kepada perkahwinan, yang membawa kepada perkara yang dilarang dan menimbulkan keadaan yang bertentangan.

Namun, terdapat mazhab yang tidak mengharamkan bekas suami berkedudukan dengan bekas isteri yang masih beriddah bagi talak raj`ie.

Ulama Hanafi berpendapat jika iddah itu diwajibkan di rumah bekas suami, maka tidak mengapa bagi mereka untuk berkedudukan dalam rumah yang sama asalkan bekas suami itu adil, sama ada talak tersebut bersifat raj`ie atau ba'in. Tetapi lebih baik jika ada penghalang di antara mereka. Jika bekas suami itu berkelakuan jahat, maka perlu ada wanita yang baik akhlaknya yang menemani mereka berdua. Jika sukar untuk tinggal bersama, bekas isteri itu boleh beriddah di rumah lain. Begitu juga jika rumah tersebut terlalu kecil, bekas isteri boleh beriddah di rumah lain. Namun, lebih baik jika lelaki itu meninggalkan rumah.

Mazhab Hanbali berpendapat bahawa bekas suami mempunyai hak untuk berkedudukan bersama bekas isteri yang ditalak raj`ie, dan tidak dianggap sebagai rujuk kecuali jika terjadi

persetubuhan. Bagi wanita yang ditalak ba'in, tidak ada nafkah tempat tinggal untuknya dan dia boleh beriddah di mana saja yang dia kehendaki.

### Kesimpulan

Berdasarkan kajian fakta dan perbahasan ulama mengenai hukum bekas suami tinggal bersama bekas isterinya pada waktu iddah, pendapat muktamad mazhab Syafie menegaskan bahawa lelaki hendaklah meninggalkan kediaman pelaminannya semasa iddah bekas isteri untuk memastikan kebebasan iddah berlaku tanpa gangguan. Ini adalah untuk mengelakkan mudarat dan mengekalkan keadilan. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian jika terdapat mahram yang menghalang berlakunya khalwat, atau jika keduanya tinggal di bilik atau tingkat berasingan, namun ini masih dianggap sebagai makruh. Menurut pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), penguasa memiliki kuasa untuk menangkap pasangan yang baru bercerai sekiranya mereka ditemui dalam keadaan berkhawat, kerana khawat antara dua orang yang bukan muhrim adalah kesalahan syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam masyarakat, terutama dalam konteks yang membenarkan rujuk semula perkahwinan semasa iddah, kita harus memahami bahawa ini adalah khilaf yang telah ada sejak zaman salaf. Oleh itu, perbezaan pandangan harus dihormati dan tidak menimbulkan keraguan atau fitnah dalam masyarakat. Prinsip hukum Islam menyatakan bahawa keputusan hakim dapat mengakhiri perbezaan pendapat. Oleh itu, pasangan yang bercerai perlu mematuhi arahan hukum dan menetap di Malaysia untuk mengelakkan kesalahan berkhawat semasa proses iddah.

### Penghargaan

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang telah terlibat dalam menghasilkan dan menerbitkan artikel ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

### Rujukan

- Abdul Rahman al-Juzairi, 2001. "Bab al-Nikah Wa al-Talaq" dlm. al-Fiqh 'Ala al-Mazahib al-Arba'ah. Juzuk 4. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar
- Badruddin Hj. Ibrahim & Azizah Binti Mohd, Hak Anak terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya, Vol 25 No 2 (2013): Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia Jilid 25 Bil. 2 Disember 2013.
- Bahiyah Ahmad, Raihana Azhari & Asmak Ab Rahman, Kriteria Kifayah Dan Ma'Ruf Nafkah Isteri Dan Anak: Kajian Pelaksanaan Semasa Di Malaysia, Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil. 3 (2013) 311-342.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Perak
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Developing Questionnaire Base on Selection And Designing. Biometrics & Biostatistics International Journal, 5(6), 1-3.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Jumni Nelli, Analisis Tentang Kewajiban Nafkah Keluarga Dalam Pemberlakuan Harta Bersama, Jurnal Hukum Islam Vol 2, No 1 (2017).
- Kamaruddin, Z. Abdullah, R. (2006). Poligami dan Undang-Undang : Isu dan Realiti, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Muhammad Ya'qub Talib 'Abidiyy & Ahmad Fathi Bahnasi. (2015). Membongkar 1001 Persoalan Nafkah: Duhai Suami, Bahagiakan Isterimu Tercinta. Putrajaya: Persatuan Pegawai Syariah Malaysia.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin, Pengabaian Kanak-Kanak Dan Jaminannya Menurut Syarak Dan Undang-Undang Islam Di Malaysia, Journal of Contemporary Islamic Law, (2019) Vol. 4(1): 18-28.

- Raihanah Azhari, Bahiyah Ahmad & Asmak Abd Rahman, 2012, Penentuan Kadar Kifayah Dan Ma'ruf Nafkah Anak Dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah, *Jurnal Syariah Vol. 20 No. 2 (2012)*, 145-162.
- Raja, R., & Nagasubramani, P. C. (2018). Impact of Modern Technology in Education. *Journal of Applied and Advanced Research*, 3, 33-35
- Robiatul Adawiyah Mohd, Hak-Hak Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah, 2009, Universiti Sains Islam Malaysia : Nilai
- Shamsuddin Suhor dan Nor Aziah Mohd Awal. (2007). Siri perkembangan Undang-undang di Malaysia: Undang-undang keluarga (Sivil). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Nur Hazimah Hamid, Bahiyah Ahmad, Shahidra Abd Khalil & Zunaidah Mohd Marzuki, Pembiayaan Nafkah Anak Yatim: Tinjauan Menurut Perspektif Fiqh, *Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia Serta Kefahaman dan Amalan Masyarakat, Akademika 90(1), April 2020: 137-149.*
- Suhaizad Saifuddin, Azizah Mat Rashid, Adibah Bahori & Mohamad Azhan Yahya, Peranan Undang-Undang Syariah di Malaysia Dalam Melindungi Hak Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid Al-Shari'ah, *Journal Of Muwafaqat Vol. 4, No. 1, 2021.*
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman, Konsep Al-Taysir Dalam Perbelanjaan Perkahwinan Islam , *Jurnal Syariah: Vol. 22 No. 3 (2014): Jurnal*